

21/08/2002

SPPK: Kerajaan diminta timbang semula

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan diminta menimbang semula keputusan membatalkan Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) melalui caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Pengedar Komputer Bertauliah, Datuk Robert Phang, berkata pihaknya berpendapat kerajaan perlu meneliti semula keputusan itu demi kepentingan pelbagai pihak, khususnya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki komputer.

Sehubungan itu, katanya, jawatankuasa berkenaan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam tempoh dua minggu lagi untuk merayu supaya keputusan itu ditimbang semula.

Beliau juga berkata, pihaknya termasuk 150 ahli Pertubuhan Usahawan Komputer Bumiputera (Putra) akan berbincang mengenai perkara itu esok, bagi menyediakan memorandum untuk diserahkan kepada Dr Mahathir, Kementerian Kewangan dan KWSP.

"Pembatalan skim itu tidak wajar dan tidak adil terutama kepada pencarum 1 yang benar-benar ingin membeli komputer. Kami difahamkan hanya lima peratus atau 3,987 daripada 750,000 pencarum yang menyalahgunakan wang KWSP bagi tujuan lain.

"Tindakan segelintir pencarum itu menjejaskan pencarum lain serta perniagaan ejen dan vendor yang membekalkan komputer, khususnya di kalangan peniaga Bumiputera.

"Kami juga bimbang pembatalan itu akan menggugat visi Perdana Menteri untuk mencapai satu rumah satu komputer," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Ketua Unit Pengaduan Awam Pemuda Umno, Subahan Kamal, juga meminta kerajaan menimbang semula keputusan membatalkan skim itu bagi memastikan semua rakyat celik IT, khususnya di luar bandar.

Beliau berkata skim itu wajar diteruskan kerana 66.5 peratus ahli yang mengeluarkan simpanan itu adalah golongan berpendapatan rendah, iaitu antara RM500 hingga RM2,500 sebulan.

"Ini menunjukkan keperluan membeli komputer melalui skim itu masih diharap dan diperlukan golongan terbabit," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sepatutnya mengkaji semula cara pengendalian serta perlantikan syarikat yang membekalkan komputer itu.

"Kita cadangkan KWSP mengendalikan sendiri pengagihan komputer untuk mengelak penyelewengan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Odasaja Sdn Bhd, Jameson Zainal Pias, pula berkata pihaknya terpaksa memansuhkan proses permohonan 50,000 pencarum KWSP bagi membeli komputer berikutan pembatalan itu.

Beliau berkata, pihaknya kesal dengan keputusan itu kerana berpendapat hanya melalui SPPK semua rakyat mampu memiliki komputer.

"Setakat ini, Odasaja sudah mengendalikan lebih 300,000 permohonan dari pencarum bagi membeli komputer peribadi sejak syarikat itu diberi kepercayaan untuk mengendalikan skim berkenaan," katanya.